

**THE INFLUENCE OF LOCAL CULTURE AND RELIGIOUS KNOWLEDGE
TOWARDS HALAL FOOD SELECTION: A STUDY IN SECONDARY SCHOOL
IN LAHAD DATU, SABAH**

**PENGARUH BUDAYA SETEMPAT DAN PENGETAHUAN AGAMA TERHADAP
PEMILIHAN MAKANAN HALAL: KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH HARIAN
DI LAHAD DATU, SABAH**

Redzuan Muhamadⁱ & Mohd Anuar Ramliⁱⁱ

ⁱ Pelajar Siswazah, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. redzuanmuhamad23@yahoo.com

ⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Mohdanuar@um.edu.my

Abstract	<p><i>Choosing halal food is a religious obligation for a Muslim. However, in a real life, this practice is influenced by various factors around humans. The interaction of homogeneous community consists of multi-ethnic, cultures as well as religions creating a special social relation. The overlapping functions of culture and religion in society render against the selection of halal food. Hence, this study was conducted to identify the influence between local culture and religious knowledge towards the selection of halal food in the multi-ethnic communities. The sample of this study is attained from 350 students from all high schools in Lahad Datu, Sabah by using a questionnaire. To achieve the objective, inferential statistics method, known as correlation is used. From the analysed data, it is obvious that the cultural constructs (M=2.54) were at medium level, while religious knowledge constructs (M=4.46) and halal food selection constructs (M=4.05) were at the high level. There has no significant between local culture with selection of halal food ($r=0.031$, $p>0.01$). The research shows that there has a positive and less significant result between religious knowledge and the selection of halal food ($r=0.219$, $p<0.01$). Therefore, as conclusion there are other elements influence the selection of halal foods among students.</i></p> <p>Keywords: <i>Halal, Food, Culture, Religious, Consumer.</i></p>
Abstrak	<p><i>Memilih makanan halal menjadi kewajipan setiap Muslim. Namun, pemilihan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor di sekeliling manusia. Kehidupan masyarakat homogen yang terdiri daripada pelbagai etnik mewujudkan pertindihan fungsi budaya dan agama dalam pemilihan makanan seharian. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh budaya setempat dan pengetahuan agama terhadap pemilihan makanan halal dalam kalangan pelajar multi etnik. Sampel kajian terdiri daripada 350 orang pelajar dari semua sekolah menengah harian di Daerah Lahad Datu, Sabah dengan menggunakan soal selidik. Bagi menjawab objektif kajian, statistik inferens iaitu korelasi digunakan. Dapatan kajian menunjukkan konstruk budaya (M=2.54) berada pada tahap sederhana, manakala konstruk pengetahuan agama (M=4.44) dan konstruk pemilihan makanan halal (M=4.05) berada pada tahap yang tinggi. Tidak terdapat hubungan yang positif antara budaya setempat dengan pemilihan makanan halal ($r=0.031$, $p>0.01$). Terdapat hubungan yang</i></p>

<p><i>positif dan rendah yang signifikan antara pengetahuan tentang konsep makanan halal dengan pemilihan makanan halal ($r=0.219, p<0.01$). Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat elemen-elemen lain yang mempengaruhi pemilihan makanan halal dalam kalangan para pelajar sekolah.</i></p>

Kata kunci: *Halal, Makanan, Budaya, Agama, Pengguna.*

PENDAHULUAN

Asas pengambilan makanan dalam Islam adalah jelas iaitu memilih makanan yang halal dan meninggalkan makanan yang syubhat dan haram. Namun, dalam kehidupan seharian, asas pemilihan ini sentiasa dibayangi oleh budaya setempat yang diwarisi dari generasi sebelum. Kebiasaan tentang makanan yang diterapkan sejak dari kecil membentuk budaya pemakanan seorang pengguna. Budaya makanan dan pemakanan bervariasi bagi tiap masyarakat disebabkan perbezaan pegangan agama, kepercayaan, tradisi dapur, pantang larang makanan, iklim dan geografi di samping kebolehcapaian terhadap sumber makanan.

Dalam mendepani isu pertembungan budaya makanan antara agama yang berbeza ini, setiap muslim hendaklah komited dengan pemilihan makanan halal pada setiap masa. Kekuatan jatidiri ini seharusnya dimantapkan melalui proses pendidikan yang tersusun dan berterusan. Sehubungan itu, pemahaman yang baik tentang konsep halal dan haram makanan menurut perspektif Islam dapat membantu seseorang itu mengasimilasi budaya makanannya dengan kehendak ajaran Islam yang sebenar.

Kajian lepas tentang pemilihan makanan halal dibincangkan secara teori dan lapangan. Walau bagaimanapun, kajian khusus tentang pengaruh budaya setempat dan pengetahuan agama terhadap pemilihan makanan dalam kalangan pelajar sekolah masih terbatas. Dalam kajian ini, pengkaji menfokuskan terhadap pelajar sekolah menengah harian di Lahad Datu Sabah. Pelajar tingkatan 4 dipilih sebagai responden kerana pada usia ini, mereka sudah mampu berfikir dengan baik dan tahu membezakan antara yang baik dan buruk. Pada usia ini juga, pelajar telah memasuki fasa baligh dan menjadi seorang muslim yang mukalaf. Tambahan pula, pelajar telah didedahkan tentang topik makanan halal dan haram dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Sehubungan itu, persoalan utama kajian ini adalah: 1) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara budaya setempat dengan pemilihan makanan halal dalam kalangan pelajar sekolah menengah? 2) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan agama dengan pemilihan makanan halal dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

FAKTOR PEMILIHAN MAKANAN HALAL

Kecenderungan seseorang dalam memilih makanan yang hendak dimakan menjadi pencetus motivasi yang mempengaruhi tingkah lakunya dalam membuat pemilihan (Ajzen, 1991). Tingkah laku ini berbeza mengikut agama, sosial, budaya, ekonomi, undang-undang dan politik setempat yang berbeza mengikut negeri dan kawasan (Alam & Sayuti, 2011). Kebiasaannya mereka membuat pemilihan makanan berdasarkan sifat makanan itu sendiri dari aspek citarasa, nutrisi, keselesaan dan kesannya kepada berat badan manusia (Pliner & Mann, 2004). Namun persepsi manusia terhadap makanan itu pula dipengaruhi oleh pelbagai faktor di sekeliling mereka. Sehubungan itu, kajian tentang gelagat pemilihan makanan dilakukan untuk mengenalpasti faktor-faktor penentu mengapa manusia memilih makanan yang mereka makan.

Walaupun terdapat banyak faktor yang menjadi pendorong dalam pemilihan makanan halal, namun pengaruh budaya dan agama amat berkait rapat antara satu sama lain. Hal ini disebabkan sesetengah pengkaji menganggap agama adalah budaya (Delener, 1994) manakala pihak lain menyatakan budaya terbentuk daripada agama (Soesilawati, 2010). Terdapat juga pengkaji yang memisahkan antara agama dan budaya tanpa

menafikan wujudnya pertindihan antara kedua-dua pengaruh ini terhadap perbuatan manusia. Pertindihan ini menimbulkan kekeliruan antara agama dan budaya terhadap perbuatan tersebut (Soroglou & Cohen, 2011).

Budaya Setempat dan Pemilihan Makanan

Budaya merupakan cara hidup yang dikongsi bersama dalam masyarakat. Salah satu komponen budaya yang mewarnai masyarakat adalah budaya makanan. Ia dapat dilihat sebagai produk kod tingkah laku terhadap makanan yang boleh diterima atau tidak dapat diterima dalam kumpulan sosial tertentu (Wijaya, 2019). Budaya makanan dan pemakanan antara sesuatu kelompok juga berbeza kerana secara semulajadinya ia dicorakkan oleh faktor geografi, sosial, psikologi, ekonomi dan politik masyarakat tersebut (Kuznesof et al., 1997). Interaksi masyarakat dengan faktor yang pelbagai ini mewujudkan corak pemilihan bahan makanan, cara penyediaan dan cara makan yang berbeza-beza (Fieldhouse, 1995).

Pembentukan budaya makanan dan pemakanan ini merangkumi rangkaian proses yang bermula dari *farm to fork* di samping penglibatan pihak-pihak seperti pengguna (orang yang makan), pengusaha (penyedia makanan), premis makanan, pihak autoriti makanan dan seumpamanya. Sebagai misal, budaya makanan masyarakat Melayu dapat dilihat dalam bentuk pengambilan makanan asasi, iaitu yang berasaskan nasi atau bersumberkan tanaman padi bagi menghasilkan beras. Faktor utama yang mendorong kepada penanaman padi adalah memenuhi keperluan fizikal manusia, iaitu rasa lapar. Kesannya mereka berfikir dan berusaha bagaimana untuk menghasilkan nasi (Ramli & Jamaludin, 2016).

Lantaran itu, setiap bangsa mempunyai identiti makanan tersendiri yang diwarisi secara turun temurun dari generasi terdahulu kepada generasi selepasnya melalui proses sosialisasi makanan (Wijaya, 2019). Ia meliputi kaum keluarga, teman sebaya, rakan sekolah dan guru. Lingkungan ini sangat mempengaruhi corak pemilihan makanan individu dan dianggap agen sosialisasi paling penting terutamanya pada peringkat kanak-kanak sehingga remaja (Mujahidah, 2015). Interaksi ini mengukuhkan lagi budaya makanan dan pemakanan dalam masyarakat yang beragama etnik.

Pengetahuan Agama dan Pemilihan Makanan Halal

Pendidikan adalah wadah terbaik untuk menyampaikan maklumat tentang makanan halal. Kefahaman yang baik tentang agama yang diperolehi melalui proses pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal dapat meningkatkan kesedaran dan penghayatan nilai-nilai keagamaan. Seterusnya, kefahaman yang diperolehi ini akan menjadi asas penghayatan konsep halal dan haram dalam kehidupan seharian. Menurut Soesilawati (2010), semakin tinggi pengetahuan agama, semakin tinggi tahap kesedaran seseorang dalam memilih makanan yang halal.

Tabiat pemakanan seseorang yang diwarisi melalui proses sosialisasi makanan boleh dibentuk melalui pendidikan kerana kecenderungan individu dalam memilih makanan halal juga berbeza mengikut tahap pengetahuan tentang makanan halal (Fieldhouse, 1995; Bonne et al., 2007). Pendidikan tentang halal dapat menyuluh pelajar dengan panduan yang ditetapkan Syarak dalam membuat pemilihan makanan halal dengan tepat (Sidik et al., 2016). Pelajar-pelajar di peringkat sekolah masih berada dalam fasa perkembangan individu untuk membentuk personaliti diri untuk menjadi mukmin yang sempurna atau sebaliknya. Makanan halal dapat membentuk kehidupan yang lebih baik dari aspek peribadi dan mental. Kesihatan yang baik juga dapat dicapai melalui pemilihan makanan yang halal dan tayyib (Latif & Aziz, 2018). Oleh itu, setiap bentuk pemakanan yang dipilih oleh para pelajar ini akan mempengaruhi corak personaliti dan ciri-ciri individu dalam diri mereka.

Justeru, pendidikan halal perlu dipupuk dan diajarkan secara formal dan dimulakan di peringkat sekolah. Khalek & Ismail (2015) juga mencadangkan agar pengetahuan dan kesedaran terhadap makanan halal perlu diperkasa melalui pengajaran

mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah untuk menyubur sikap positif dalam pemilihan makanan halal. Bagi melihat dengan jelas keperluan tersebut, kajian ini dilakukan dengan menfokuskan terhadap pengetahuan agama dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan pemilihan makanan halal kalangan mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian tinjauan soal selidik untuk menjawab dua persoalan kajian. Seramai 350 orang pelajar tingkatan 4 di Daerah Lahad Datu, Sabah terlibat sebagai responden. Pengaruh budaya setempat dinilai berdasarkan konstruk keluarga, rakan dan jiran. Bagi pembolehubah pengetahuan agama pula dinilai berdasarkan konsep makanan halal. Analisis dibuat berdasarkan hipotesis berikut:

- H₁: Terdapat hubungan yang signifikan antara budaya setempat dengan pemilihan makanan halal.
- H₂: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan agama dengan pemilihan makanan halal.

Instrumen

Instrumen soal selidik dibina berdasarkan kerangka Teori Ekologi Bronfenbrenner dan Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Pendidikan Islam. Bahagian pertama soal selidik mengandungi soalan demografi yang berkaitan seperti jantina, bangsa, gred Pendidikan Islam PT3, mempunyai keluarga berlainan agama dan agama dominan di kawasan tempat tinggal. Konstruk budaya dan makanan halal diukur dengan sepuluh soalan seperti berikut:

- Saya terpengaruh dengan corak pemakanan keluarga saya.
- Saya selesa makan bersama keluarga dan kawan yang bukan Islam.
- Saya selesa dan makan makanan etnik lain.
- Keluarga saya bertukar-tukar juadah dengan jiran-jiran bukan Islam.
- Saya mengunjungi jiran-jiran yang bukan Islam semasa perayaan mereka.
- Saya makan makanan yang dihidangkan oleh jiran bukan Islam.
- Keluarga saya menyediakan makanan untuk majlis-majlis tertentu.
- Saya mengunjungi restoran yang meletakkan tanda "serve no pork".
- Saya mengunjungi restoran kepunyaan orang bukan Islam.
- Saya makan masakan yang dimasak oleh orang bukan Islam.

Konstruk pengetahuan tentang Konsep Makanan Halal mengandungi sebelas item seperti berikut:

- Makanan halal melalui proses yang suci dan bersih.
- Makanan halal lebih berkhasiat berbanding makanan tidak halal.
- Makanan halal menjamin kesihatan yang baik.
- Makanan halal membentuk akhlak yang mulia.
- Makanan halal memberi kesan baik pada jasmani, emosi, rohani dan intelek manusia.
- Status halal boleh terjejas dengan pemprosesan dan penyediaan bahan yang tidak suci dan kotor.
- Sembelihan yang tidak mengikut syarak menyebabkan makanan menjadi haram.
- Makanan yang haram merosakkan jiwa.
- Memakan makanan yang haram menyebabkan doa tidak diterima oleh Allah.
- Makanan yang syubhah (meragukan) patut dielakkan.
- Memakan makanan yang syubhah (meragukan) menjerumus kepada makanan haram.

Pembolehkan bersandar (pemilihan makanan halal) dinilai berdasarkan tujuh item berikut:

- Saya memastikan semua makanan saya halal sebelum memakannya.
- Saya meneliti bahan-bahan yang terkandung dalam makanan yang saya makan.
- Saya memastikan bahan-bahan makanan yang saya makan diproses dengan baik.
- Saya memastikan daging yang dimakan daripada sembelihan mengikut syarak.
- Saya memilih makanan yang berkhasiat sahaja untuk dimakan.
- Saya menjauhi makanan yang syubhah (meragukan).
- Saya memilih restoran dan tempat makan yang diyakini halal.

Data diambil untuk mengetahui tahap persetujuan responden yang terlibat dengan menggunakan nilai 5 tahap skala likert. Soal selidik telah disahkan oleh dua orang panel pakar dalam bidang Pendidikan Islam dan pemakanan halal. Berdasarkan komen pakar, beberapa perubahan telah dibuat terhadap instrumen. Sebelum menjalankan kajian sebenar, pengkaji telah menjalankan kajian rintis terlebih dahulu bagi mengesan dan mengenal pasti kelemahan yang terdapat dalam instrumen kajian. Nilai ketekalan dalam instrumen soal selidik menunjukkan setiap instrumen dengan nilai *Alpha Cronbach's* melebihi 0.6 (Hussin et al., 2014). Semua konstruk soal selidik yang dibina diterima dan kajian sebenar boleh dilakukan.

Jadual 1: Ketekalan dalaman instrumen soal selidik (*Alpha Cronbach's*)

Pembolehkan	Jumlah Item	Nilai <i>Alpha Cronbach's</i>
Budaya dan makanan halal	10	0.786
Pengetahuan tentang konsep makanan halal	11	0.795
Pemilihan makanan halal	7	0.836

DAPATAN KAJIAN

383 set soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar tingkatan 4 di Daerah Lahad Datu, Sabah secara rawak. Semua soal selidik dikembalikan namun 33 set soalan ditolak kerana maklumat yang tidak lengkap.

Profil Responden

Majoriti responden adalah perempuan (64%) manakala lelaki (36%). Taburan bangsa yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada Bumiputra lain (40.9%), Bajau (34%), Melayu (19.1%), Kadazan Dusun (3.4%), warga asing (1.4%), Cina (0.6%) dan Murut (0.3%). Kepelbagaian bangsa responden terbukti melalui pecahan Bumiputra lain yang tinggi. Walaupun responden terdiri dari pelbagai bangsa, agama dominan di kawasan tempat tinggal mereka majoriti beragama Islam (92.9%), diikuti dengan Kristian (6.3%), Animisme (0.6%) dan tiada agama (0.3%). Manakala untuk taburan responden yang mempunyai keluarga berlainan agama, seramai 79.7% responden tidak mempunyai keluarga berlainan agama sementara 20.3% responden mempunyai latar belakang keluarga berlainan agama.

Dari aspek pencapaian akademik pula, gred Pendidikan Islam semasa PT3 responden yang terlibat adalah paling ramai mendapat gred A (36%), diikuti dengan gred B (30.9%), gred C (22.3%), gred D (10%) dan hanya 0.9% yang mendapat gred E. Peratusan lulus yang tinggi menunjukkan para pelajar mempunyai penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam yang baik.

Statistik Deskriptif

Jadual 2 di bawah menunjukkan skor min dan sisihan piawai ketiga-tiga konstruk. Skor min berdasarkan nilai 5 tahap skala Likert. Secara umumnya, persepsi terhadap budaya dengan makanan halal dinilai 2.54, tahap pengetahuan tentang konsep makanan halal dinilai 4.44 dan persepsi pelajar terhadap pemilihan makanan halal dinilai 4.05.

Keseluruhannya, konstruk tahap pengetahuan tentang konsep makanan halal dan persepsi pelajar terhadap pemilihan makanan halal dinilai pada tahap tinggi manakala konstruk persepsi terhadap budaya dengan makanan halal dinilai sederhana.

Jadual 2: Rumusan Nilai Min Konstruk

Konstruk	Min	Sisihan Piawai
Budaya setempat dan makanan halal	2.54	0.64186
Pengetahuan tentang konsep makanan halal	4.44	0.48742
Pemilihan makanan halal	4.05	0.74728

Ujian Hipotesis

Ujian analisis inferens untuk menentukan hipotesis kajian adalah ujian korelasi.

Jadual 3: Dapatan Ujian Korelasi

Ujian	Faktor	Pemilihan makanan halal
Korelasi koefisien (<i>r</i>)	Budaya setempat	0.031
	Sig (2 hujung)	0.564
	N	350
Korelasi koefisien (<i>r</i>)	Pengetahuan tentang konsep halal	0.219
	Sig (2 hujung)	0.000
	N	350

Berdasarkan jadual 3, tidak terdapat hubungan yang positif antara budaya setempat dengan pemilihan makanan halal ($r=0.031$, $p>0.01$). Terdapat hubungan yang positif dan rendah yang signifikan antara pengetahuan tentang konsep makanan halal dengan pemilihan makanan halal ($r=0.219$, $p<0.01$).

PERBINCANGAN

Tahap pemilihan makanan halal pelajar dalam konteks kajian ini berada pada tahap yang tinggi ($M=4.05$). Ini bermakna para pelajar mementingkan status halal dalam memilih makanan. Dapatan ini selari dengan sikap pengguna muslim di Pakistan yang sangat mengambil berat dan bersikap positif terhadap pemilihan produk halal (Mukhtar & Butt, 2012).

Begitu juga dengan kajian Latif et al. (2019) yang mendapati amalan pelajar Universiti Malaysia Sabah dalam memilih makanan halal adalah memuaskan dan sikap responden dalam memilih makanan halal adalah positif. Sebaliknya, ia bertentangan dengan dapatan kajian lepas di Kota Kinabalu di mana pengguna Muslim tidak meletakkan pertimbangan halal dan haram sebagai asas utama dalam pemilihan makanan (Ahmad et al., 2007). Pengabaian aspek halal juga berlaku di Daerah Ranau, Sabah apabila 66% responden yang minum minuman keras adalah beragama Islam (Jamali et al., 2009). Situasi sama juga berlaku dalam kalangan minoriti Islam di Keningau, Sabah di mana segelintir kaum Kadazan-Dusun masih mengekalkan budaya minum tapai semasa upacara perkahwinan walaupun setelah memeluk agama Islam (Sulaiman, 2001).

Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan antara pengaruh budaya setempat dengan pemilihan makanan halal ($r=0.031$, $p>0.01$). Dapatan konstruk budaya dan makanan halal ($M=2.54$) juga berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pengukuhan budaya makanan sejak dari kecil tidak mempunyai pengaruh yang besar terhadap pemilihan makanan halal. Ia bertentangan dengan kajian Pawan et al., (2014) yang mendapati keluarga sebagai penyedia makanan awal mempunyai pengaruh dalam pembentukan sikap pemakanan dan pemilihan makanan kegemaran. Kebiasaan tentang corak pemakanan yang diterapkan

oleh ahli keluarga sejak kecil ini tidak mampu membentuk budaya pemakanan seseorang itu.

Budaya setempat tidak mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap pemilihan makanan halal kerana keadaan budaya yang tidak statik dan sentiasa berubah selari dengan dinamisme masyarakat serta keperluan untuk mewujudkan keharmonian dalam masyarakat (Iyengar, 2013). Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Mohd Razali yang mendapati penghayatan Islam dalam kalangan remaja di Daerah Kota Bharu semakin berkurangan disebabkan pengaruh budaya barat (Deraman, 2007). Pertembungan budaya juga mewujudkan akulturasi citarasa yang menyebabkan manusia meninggalkan budaya yang asal dan mengikut suasana persekitaran yang baru (Fieldhouse, 1995).

Dapatan untuk konstruk pengetahuan tentang konsep makanan halal ($M=4.44$) adalah pada tahap yang tinggi. Oleh yang demikian tahap pengetahuan pelajar tentang konsep halal dan haram makanan dalam konteks kajian ini berada pada tahap yang tinggi. Tahap pengetahuan pelajar yang tinggi ini juga selari dengan keputusan PT3 responden di mana 99.1% responden lulus mata pelajaran Pendidikan Islam. Namun dapatan kajian mendapati hubungan antara pengetahuan agama terhadap pemilihan makanan halal berada pada tahap sederhana ($r=0.219, p<0.01$).

Pengetahuan agama yang tinggi tidak mempengaruhi pemilihan makanan halal secara keseluruhan. Ini kerana tahap pengetahuan agama yang tinggi tidak menjamin penghayatan ajaran agama secara menyeluruh. Keadaan ini sama dengan dapatan Ali et al. (2017) yang menyatakan individu tersebut tidak mengikuti ajaran agama kerana menganggap diri mereka muslim yang tidak sempurna, kurang berminat dengan ajaran agama dan terpengaruh dengan gaya hidup masyarakat di sekeliling mereka. Maka pengetahuan agama yang tinggi bukanlah asas penentuan utama terhadap amalan dan pegangan agama seseorang.

Ini disebabkan pengamalan syariah Islam yang syumul melibatkan penguasaan dari aspek teori dan praktikal. Pengetahuan teori perlu diimbangi dengan aspek praktikaliti atau amalan. Praktikaliti dalam pemilihan halal sewajarnya mencerminkan pengetahuan agama yang tinggi sepertimana menurut pandangan Johnson (2011). Seseorang yang pegangan agamanya baik sentiasa bertindak berdasarkan ajaran agama termasuklah soal pemilihan makanan halal. Justeru, sedikit sebanyak pengetahuan agama dan penghayatan agama dapat mempengaruhi sikap pelajar dalam pemilihan makanan halal.

PENUTUP

Sebagai kesimpulan, mengambil makanan halal adalah kefarduan kepada umat Islam. Dalam masyarakat multi-etnik, pemilihan makanan halal merupakan cabaran yang besar kepada pengguna Muslim. Ini disebabkan toleransi yang tinggi, proses asimilasi yang berlaku antara masyarakat Islam dan bukan Islam di samping hubungan kekerabatan antara mereka mendorong kepada pembentukan budaya makanan yang khusus.

Berdasarkan penilaian terhadap pengaruh budaya setempat dan pengetahuan agama terhadap pemilihan makanan halal dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di Daerah Lahad Datu, Sabah, dapatan kajian menunjukkan pengetahuan agama mempunyai hubungan yang positif dan rendah signifikan antara pengetahuan tentang konsep makanan halal dengan pemilihan makanan halal.

Walaupun begitu, untuk memantapkan lagi kefahaman dan penghayatan dalam pemilihan makanan halal, para pelajar hendaklah didedahkan dengan maklumat tentang prinsip asas halal haram dan kriteria pemilihan makanan halal tayyiba dalam kehidupan seharian. Jelasnya pendidikan halal sangat penting dalam mewujudkan budaya makanan halal yang kuat dalam masyarakat Islam secara umumnya dan membina jatidiri serta sahsiah pelajar secara khususnya.

RUJUKAN

- Fieldhouse, P. 1995. *Food And Nutrition, Customs and Culture*. London: Chapman & Hall.
- Hussin, F., Ali, J. & Noor, M.S.Z. 2014. *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ramli, M. A. & Jamaludin, M. A. 2016. *Budaya Makanan dan Pemakanan Halal Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam*. dlm. Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Khadher Ahmad & Monika @ Munirah Abd Razzak (eds.). *Penyelidikan Tentang Makanan: Perspektif Nabawi dan Saintifik*. Department of al-Quran & al-Hadith APIUM. 195-206.
- Sidik M.A., Ramli M. A. & Jamaludin M. A. 2016. *Module Development of Halal Consumerism Education in Malaysia: A Proposal*. dlm. Ab. Manan S., Abd Rahman F., Sahri M. (eds.). *Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry*. Singapore: Springer.

Jurnal

- Ahmad, S., Wahid, H. & Kastin, S. 2007. PKS Di Persada Dunia Melalui Tanda Halal: Kes Gelagat Pengguna. dlm. Kertas kerja Convention of Islamic Entrepreneurships, Kolej Universiti Islam Melaka. 20-21 Januari 2007.
- Ajzen, I. 1991. Theory of Planned Behavior. *Organization Behavior and Human Decision Process*. Vol. 50. 179-211.
- Alam, S.S. & Sayuti, N.M. 2011. Applying The Theory of Planned Behavior (TPB) In Halal Food Purchasing. *International Journal of Commerce and Management*. Vol. 21. Iss. 1. 8-20.
- Ali, A., Xiaoling, G., Sherwani, M. & Ali, A. 2017. Factors Affecting Halal Meat Purchase Intention: Evidence From International Muslim Students In China. *British Food Journal*. Vol. 119. No. 3. 527-541.
- Bonne, K., Vermeir, I., Bergeaud-Blackler, F. & Verbeke, W. 2007. Determinants of Halal Meat Consumption In France. *British Food Journal*. Vol. 109. No. 5. 367-386.
- Delener, N. 1994. Religious Contrasts In Consumer Decision Behavior Patterns: Their Dimensions And Marketing Implications. *European Journal of Marketing*. Vol. 28. Iss. 5. 36-53.
- Iyengar, V., Joswhi, M. & Vyas, A. 2013. Impact of Culture on Consumer Behavior: An Empirical Analysis. *International Journal of Retailing & Rural Business Perspectives*. Vol. 2. No. 2. 342-345.
- Jamali, A., Mustapha, Z. & Ismail, R. 2009. Pola dan Faktor Yang Mempengaruhi Peminuman Minuman Keras Remaja Dusun Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. Vol. 5. No. 2. 88-101.
- Johnson, B.R., Jang, S.J., Larson, D.B. & Li, S.D. 2011. Does Adolescent Religious Commitment Matter? A Reexamination of The Effects of Religiosity on Delinquency. *Journal of Research in Crime and Delinquency*. Vol. 38. No. 1. 22-43.
- Khalek, A.A. & Ismail, S.H.S. 2015. Why Are We Eating Halal - Using The Theory of Planned Behavior in Predicting Halal Food Consumption Among Generation Y in Malaysia. *International Journal of Science and Humanity*. Vol. 5. No. 7. 608-612.
- Kuznesof, S., Tregear, A. & Moxey, A. 1997. Regional Foods: A Consumer Perspective. *British Food Journal*. Vol. 99. Iss. 6. 199-206.
- Latif, A.M. & Aziz, S.N. 2018. Knowledge And Practices of Diet and Eating Etiquette In Islam Among Muslim Students of University Malaysia Sabah. *Nutri Food Sci Int J*. Vol. 5. No. 5. 1-7.
- Latif, M.A., Harris, H., & Rahman, S.A. 2019. Knowledge and Attitudes of Universiti Malaysia Sabah (UMS) Muslim Students on their Practices of Choosing Halal Food Products and Premises. [https://www.semanticscholar.org/paper/Knowledge-and-Attitudes-of-Universiti-Malaysia-\(-\)-Latif-Harris/079d0fa9e7de2e343fac08778351b44e438d8eae](https://www.semanticscholar.org/paper/Knowledge-and-Attitudes-of-Universiti-Malaysia-(-)-Latif-Harris/079d0fa9e7de2e343fac08778351b44e438d8eae).

- Mujahidah. 2015. Implementasi Teori Ekologi Bronfenbrenner Dalam Membangun Pendidikan Karakter Yang Berkualitas. *Lentera*. Vol. Ixx. No. 2. 171-185.
- Mukhtar, A. & Butt, M.M. 2012. Intention To Choose Halal Products: The Role of Religiosity. *Journal of Islamic Marketing*. Vol. 3. Iss. 2. 108-120.
- Pawan, M.T., Laggat, J. & Marzuki, K.M. 2014. Study on Generation Y Dining Out Behavior in Sabah. *International Journal of Business and Social Science*. Vol. 5. No. 11.
- Pliner, P. & Mann. N. 2004. Influence of Social Norms and Palatability on Amount Consumed And Food Choice. *Appetite*. Vol. 42. 227-237.
- Soesilawati, E.S. 2010. Business Opportunities For Halal Products In The Global Market: Muslim Consumer Behaviour And Halal Food Consumption. *Journal of Indonesian Social Sciences and Humanities*. No. 3. 151-160.
- Soroglou, V. & Cohen, A.B. 2011. Psychology of Culture and Religion. *Journal of Cross-Cultural Psychology*. No. 42. Iss. 8. 1309-1319.
- Wijaya, S. 2019. Indonesian Food Culture Mapping: A Starter Contribution To Promote Indonesian Culinary Tourism. *J. Ethn. Food*. Vol. 6. No. 9. <https://doi.org/10.1186/s42779-019-0009-3>

Disertasi

- Deraman, M.R. 2007. *Pengaruh Budaya Terhadap Akhlak Remaja Islam: Satu Kajian Di Kota Bharu, Kelantan*. Disertasi Sarjana: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Sulaiman, S.S. 2001. *Islam Di Keningau: Sejarah Dan Kesannya Terhadap Budaya Perkahwinan Masyarakat Bumiputera Kadzandusun*. Disertasi Sarjana: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.